

Saham: Syor Kongres ke-3 masih diteliti

KUALA LUMPUR, Selasa — Kerajaan sedang mengkaji cadangan memperuntukkan 51 peratus semua saham iktisad kepada Bumiputera seperti yang terkandung dalam rumusan Kongres Ekonomi Bumiputera ketiga.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Abdul Rahman berkata, rumusan kongres itu yang diserahkan kepada Kerajaan baru-baru ini akan dikaji dan diteliti sedalam-dalamnya sebelum dilaksanakan.

Menjawab soalan Senator Datuk Raja Nong Chik bin Raja Isahak yang ingin tahu sama ada Kerajaan memasukkan rumusan kongres itu untuk dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Keempat, Datuk Abdullah berkata:

"Kerajaan mengambil kira pandangan yang diutarakan oleh semua pihak termasuk keputusan yang dicapai dalam kongres itu."

Kekurangan barang perlu

Sementara itu, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam jawapan bertulisnya kepada soalan Senator Dr. Choo Kool Fook yang ingin tahu mengapa negara sering mengalami kekurangan barang keperluan, berkata:

"Kekurangan barang-barang keperluan di negara ini adalah satu fenomena seluruh dunia terutama apabila wujud keadaan ketidakseimbangan antara pembekalan dan permintaan sesuatu barang itu."

"Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan

keadaan kekurangan bekalan untuk setengah-setengah barang, antaranya:

"Keadaan Putaran Niaga yang turun naik bagi harga setengah-setengah komoditi seperti gula berlaku kerana ketidak-seimbangan pengeluaran dan permintaan."

Komoditi-komoditi itu tidak dapat dikeluarkan dengan cepat seperti barang-barang perkilangan kerana pengeluarannya bergantung kepada berbagai faktor yang setengahnya di luar kawalan manusia seperti iklim, bencana banjir dan kemarau, katanya.

Oleh itu, tambah beliau, harga dan bekalan barang-barang adalah dipengaruhi oleh pasaran antarabangsa

Barang kawalan

Beliau mengelaskan, krisis tenaga sejak 1973 telah menyebabkan kos pengeluaran barang-barang perkilangan meningkat.

"Kenalkan kos ini memaksa setengah-setengah industri mengurangkan pengeluarannya terutama bagi barang-barang yang harganya tidak dapat dinalakan dengan sesuka hati oleh pihak pengkilang seperti barang-barang kawalan."

Sebaliknya, tambah beliau, barang-barang yang harganya ditetapkan oleh kuasa permintaan dan penawaran secara bebas, pembekalan dan permintaan, secara praktiknya akan mencapai suatu keseimbangan dengan sendiri.

Memandangkan betapa pentingnya setengah-setengah barang keperluan kepada pengguna, beliau menambah, Kerajaan telah campurtangan dalam penetapan harga barang-barang penting untuk meringankan beban p..."